

5H4M HANOI + SAPA + MT. FANSIPAN



TOUR CODE:
SHN04-OD/MH

SAPA MT. FANSIPAN



HOTEL PENGINAPAN | 3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Hanoi	Moon View Hotel	2 Mlm
Sapa	Lacasa Sapa Hotel	2 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 752	KUL - HAN	0940	1210
5	MH 753	HAN - KUL	1300	1725

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	OD 571	KUL - HAN	1010	1230
5	OD 572	HAN - KUL	1320	1745



VIETNAM DONG
VND 100,000

RINGGIT MALAYSIA:
MYR 20



PERBEZAAN
WAKTU

VIETNAM
: GMT+7

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Kereta kabel dan keretapi ke puncak Fansipan.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Insurans kembara (Travel insurance).
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

HARI
01 KUALA LUMPUR -
HANOI

MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Hanoi.

Tiba di **Hanoi**:

- Melawat ke pusat bandar Hanoi dan berhenti bergambar di bangunan bersejarah iaitu **Opera House, Hoan Kiem Lake, The Huc Bridge** dan **O Quan Chuong Gate**.
- Old Quarter (36 Ancient Streets)**: Jalan bersejarah yang menjual pelbagai kraftangan tempatan. Setiap jalan di sini menjual produk unik yang berbeza dengan kedai dari jalan yang lain.
- Membeli belah di **Dong Xuan Colorful Market**: Ditubuhkan sejak tahun 1889, bangunan dengan gaya seni bina Soviet ini juga adalah pasar tertutup yang terbesar di Hanoi. Antara barangan lain yang dijual di sini adalah buah-buahan segar, aksesori, pakaian, barangan elektronik dan perkakasan rumah.
- Bersolat di **Al-Noor Mosque Hanoi** yang merupakan satu-satunya masjid yang ada di Hanoi.
- Masa bebas untuk membeli belah di **Night Market Old Quarter** yang terletak di Ta Hien Street. Ia juga kaya dengan aroma masakan dari gerai jalanan, aktiviti dan juga keunikan rekaan bangunannya. Anda juga boleh menaiki beca untuk mengelilingi kawasan ini atas tanggungan sendiri. Bermalam di **Hanoi**.

HARI
02 HANOI -
SAPA

SP/MT/MM

Lawatan di **Sapa**:

- Melawat ke **Lao Chai Village** yang merupakan perkampungan indah yang dikelilingi kawasan pergunungan dan sawah padi.
- Melawat ke satu pemandangan yang sinonim Sapa iaitu **Muong Hoa Valley** yang mempunyai keluasan sawah padi terbesar di daerah ini. Ia juga merupakan kawasan penempatan etnik Hmong, Tay dan Red Dao. Dengan suasana kehijauan yang menyegarkan mata, keunikan rupa bumi di sini mencuri perhatian para pengkaji dunia termasuklah dari Russia dan Perancis.
- Melawat ke **Black H'mong Village of Lao Chai** yang merupakan perkampungan etnik minoriti di Vietnam dan melawat ke **Ta Van Village** iaitu perkampungan kepada pelbagai kumpulan etnik, kebanyakannya adalah orang Hmong dan kumpulan etnik Giay. Bermalam di Sapa.

HARI
03 SUN WORLD FANSIPAN
MT - CAT CAT VILLAGE

SP/MT/MM

- Melawat ke gunung terkenal Vietnam iaitu **Mt. Fansipan**. **Mt. Fansipan** berketinggian 3,143 meter, puncak tertinggi Indochina ini boleh ditakluk dalam masa 10-12 jam oleh para pendaki gunung yang handal. Di sini juga anda dapat menikmati keajaiban flora dengan lebih daripada 1,600 spesies tumbuhan yang unik.
- Peserta akan menaiki kereta kabel dua hala dalam perjalanan selama 15 minit, kemudian menaiki keretapi untuk sampai ke puncak **Mt. Fansipan**.
- Masa bebas untuk berfoto di **Sapa Square** dan **Sun Plaza**.
- Melawat ke **Cat Cat Village**. Perkampungan tradisional ini wujud sejak abad ke-19 semasa ramai keluarga berketurunan Hmong dan Red Dao berpindah ke utara Vietnam. Anda juga dapat menemui beberapa rumah terbuka yang digelar sebagai rumah pameran yang mempamerkan peninggalan budaya yang penting buat etnik-etnik tempatan di Cat Cat. Teruskan perjalanan untuk melihat keindahan **Cat Cat Waterfall**. Bermalam di Sapa.

HARI
04 SAPA - VIET/CHINA
BORDER - HANOI

SP/MT/MM

Lawatan di **Hanoi**:

- Berhenti di bandar Lao Cai dan bergambar di **Border Markers No. 102** yang merupakan sempadan negara antara Vietnam (Lao Cai) dan China (Hekou). Laluan sempadan ini biasanya digunakan sebagai medium pengangkutan barang antara dua negara Vietnam dan China.
- Masa bebas untuk membeli belah di **Night Market Old Quarter** yang terletak di Ta Hien Street. Bermalam di Hanoi.

HARI
05 HANOI -
KUALA LUMPUR

SP

Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.